

HUBUNGAN DIPLOMASI DENGAN ASPEK BAHASA DAN BUDAYA: SATU TINJAUAN ILMIAH UNTUK RUJUKAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN SEKOLAH DI MALAYSIA

Ahmad Kamal bin Ariffin, PhD

Mohamad Hanif bin Ramli

Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia

ahmadkamal@iab.edu.my

hanif@iab.edu.my

ABSTRAK

Ilmu pengetahuan mengenai hubungan diplomasi dengan bahasa dan budaya masih kurang dikupas oleh kalangan sarjana sama ada dari dalam mahupun dari luar negara. Umumnya, bidang diplomasi banyak memberi kesan positif terhadap kemajuan pendidikan bahasa dan budaya sesuatu bangsa. Bahasa adalah alat untuk berkomunikasi diantara sesama manusia bertujuan bagi membina kemajuan hidup khususnya dalam aspek pembangunan ilmu, bahasa dan budaya sesebuah masyarakat. Justeru, perkara ini dikupas bagi mengetahui apakah hubungan diplomasi dengan aspek bahasa dan budaya secara umum. Selanjutnya, boleh dijadikan rujukan penting kepada mereka yang berkepentingan demi untuk keselamatan negara dan kemajuan bangsa dalam bidang kepimpinan pendidikan, bahasa dan budaya rakyat Malaysia.

Kata Kunci: Hubungan diplomasi, Bahasa dan budaya, komunikasi, Kepimpinan pendidikan

PENDAHULUAN

Memahami, mendalami dan sikap ambil peduli masyarakat Malaysia mengenai hubungan diantara bidang diplomasi dengan bahasa dan budaya adalah sangat penting untuk dikaji dan dijelas. Ia dilihat penting khususnya kepada kalangan kepimpinan warga pendidikan. Idealisme, kefahaman dan kesedaran kalangan pemimpin, boleh memberi impak besar kepada haluan daya fikir dan daya tindak orang bawahan yang dipimpinya. Pada hari ini, melalui sistem dan teknologi komunikasi moden, warga pendidik ternyata banyak berkomunikasi dan berurusan secara formal dalam bidang pentadbirannya sama ada dengan rakan sekerja dari dalam mahupun dari luar negara. Banyak manfaat melalui komunikasi hubungan antarabangsa misalnya bagi menjayakan program lawatan sambil belajar, menghadiri kursus, menjayakan pertandingan kokurikulum, sukan dan kebudayaan di peringkat antarabangsa atau kerjasama dengan pihak yang berkepentingan dari negara luar akan membantu membina potensi, pengalaman dan pengetahuan sendiri dalam kalangan peserta. Diantara negara luar yang sejak tahun 1990-an banyak melaksana hubungan diplomasi bahasa dan budaya bagi merealisasi pelbagai aktiviti pendidikan dengan Malaysia ialah negara Indonesia, Brunei, Singapura, Thailand, Jepun, Australia dan England. Justeru, gagasan pihak kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang inginkan kepimpinan sekolah berdaya saing dan mampu membina jaringan jalinan di peringkat antarabangsa demi kemajuan akademik dan sahsiah

murid di sekolah masing-masing menjelaskan lagi akan kepentingan ilmu diplomasi bahasa dan budaya ini untuk difahami oleh kalangan warga pendidik. Diplomasi bahasa dan budaya banyak menguji daya tindak, daya intelek dan daya ketahanan sendiri dalam kalangan warga pendidik bagi membantu pihak kerajaan memartabat bahasa Melayu dan budaya kebangsaan agar kelihatan ulung di persada dunia seiring dengan kemenjadian modal insan negara Malaysia dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektualnya.

MAKNA DIPLOMASI

Diplomasi berasal dari perkataan Yunani iaitu “diploma” yang bermakna “dua lipatan” yang merujuk kepada sijil kelulusan yang diperolehi dari sesuatu program pengajian atau pembelajaran yang sifatnya berlipat dua. Mengenaikannya, perkembangan bahasa dunia memperlihatkan bahawa dalam tahun 1700, kerajaan Perancis menggunakan perkataan “*diplomatie*” yang bermakna lembaga organisasi pegawai yang bertugas. Seterusnya, dalam tahun 1796, Edmund Burke memperkenalkan perkataan diplomasi yang bermakna seni dan praktik negosiasi diantara wakil-wakil dari negara atau sekelompok negara. Jelasnya, ia merujuk kepada komunikasi diplomasi diperingkat antarabangsa diantara wakil kerajaan dan para diplomat bagi membincang isu-isu mengenai pelan perdamaian, perdagangan, perang, ekonomi, pendidikan dan budaya. Ia juga mencakupi perjanjian antarabangsa yang dirundingkan oleh kalangan diplomat sebelum dipersetujui oleh kalangan pemerintah tertinggi sesebuah negara di dunia.

Merujuk kepada kamus Oxford Learners Dictionary (2003), perkataan diplomasi (*diplomacy*) adalah bermaksud aktiviti mengelola hubungan antara negara. Ia melibatkan ketrampilan untuk berurusan dengan orang lain dalam situasi sulit tanpa menyakiti mahupun mengancam pihak lain. Dapatlah dirumuskan bahawa diplomasi bermakna kebijaksanaan dalam bidang perundingan diantara satu pihak dengan pihak yang lain mencakupi nilai tolak ansur, empati, halus, sopan, tiada provokasi, saling memahami, berstrategi dan saling membantu untuk membuat keputusan yang adil diterima oleh kedua-dua pihak yang berkonflik.

Berhubung dengan perkara tersebut juga, Harwanto (2008) dalam laporannya menyatakan terdapat sebanyak 38 bidang diplomasi iaitu seperti berikut;

1. Diplomasi Duit
2. Diplomasi Asap
3. Diplomasi Lama
4. Diplomasi Kuno
5. Diplomasi Pelik
6. Diplomasi Beras
7. Diplomasi Rahsia
8. Diplomasi Awam
9. Diplomasi Prestij
10. Diplomasi Baharu
11. Diplomasi Senyap
12. Diplomasi Paksaan
13. Diplomasi Budaya
14. Diplomasi Minyak
15. Diplomasi Terbuka
16. Diplomasi Tentera
17. Diplomasi Perisian
18. Diplomasi Sumber
19. Diplomasi Dunhill
20. Diplomasi Lembut
21. Diplomasi Munafik
22. Diplomasi Berwayar
23. Diplomasi Penipuan
24. Diplomasi Teknologi
25. Diplomasi Penyatuan
26. Diplomasi Pencegahan
27. Diplomasi Bangsawan
28. Diplomasi Demokratik
29. Diplomasi Kejantinaan
30. Diplomasi Pemakaman
31. Diplomasi Perkahwinan
32. Diplomasi Kotak Tunai
33. Diplomasi Kapal Perang
34. Diplomasi Penjaga Kedai
35. Diplomasi Berbeza Makna
36. Diplomasi Peluru Berpandu
37. Diplomasi Tentera Berkawal
38. Diplomasi Secepat Mungkin

Seterusnya menurut Richard (2005) diplomasi menjadi suatu kaedah yang paling utama bagi memulih, memelihara dan mempertahankan peradaban sesuatu bangsa. Ia menurutnya berbeza dengan peperangan yang merupakan tindakan ketenteraan yang mengakibatkan kehancuran kepada sesuatu peradaban dan kemajuan sesebuah negara.

MAKNA BAHASA

Nabi Adam A.S ialah manusia pertama dicipta oleh Allah Taala. Baginda telah menerima ilmu bahasa sebagai ilmu yang pertama diterimanya. Ilmu bahasa itu adalah mengenai nama semua jenis benda yang terdapat di atas muka bumi ini. Dalilnya ialah bahawa Allah telah berfirman dalam Al-Quran (al Baqarah: 31) maksudnya;

“Dan Dia (Allah) telah mengajar Nabi Adam mengenai nama segala benda dan gunanya (di atas bumi)”.

Berhubung dengan perkara tersebut juga, Allah telah menjelaskan mengenai kepentingan bahasa dalam kehidupan manusia dengan berpandu kepada Al-Quran (al Rahman:1-4) yang bermaksud;

“Tuhan yang amat pemurah serta melimpah-limpahkan rahmat-Nya. Dialah yang telah mengajar (manusia) Al-Quran. Dialah yang mencipta manusia. Dialah yang telah mengajar manusia pandai bercakap (berbahasa)”.

Junjungan Nabi Muhamad S.A.W sendiri menerima wahyu berupa ayat Al-Quran pertama yang menyata akan kepentingan bahasa kepada manusia. Dalilnya ialah merujuk kepada firman Allah dalam Al-Quran (al Alaq:1-5) yang bermaksud;

“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan manusia. Dia telah mencipta manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan tuhanmulah yang paling pemurah, yang mengajar manusia dengan perantaraan kalam (yang berkaitan dengan kemahiran menulis dan membaca). Dia mengajar manusia apa-apa yang tidak diketahuinya”.

Jelasnya, bahasa adalah wahana ilmu. Imam Al Ghazali (abad ke-12 M) menjelaskan bahawa ilmu bahasa sangat penting. Ia umumnya disebut ilmu mukadimah. Ilmu mukadimah juga disebut ilmu asas yang merupakan alat untuk mengetahui isi kitab Al-Quran dan sunnah Rasul S.A.W. Ilmu alat pula terdiri daripada ilmu bahasa dan tatabahasa yang meskipun tidak termasuk dalam ilmu syariah, namun ia perlu dipelajari demi kemaslahatan agama. Ia juga adalah kerana semua agama lahir berkembang melalui bahasa. Al Ghazali (1980) pula menjelaskan bahawa ilmu bahasa sangat penting untuk pemerolehan ilmu dan perkembangan ilmu keseluruhannya. Ia sangat berkait rapat antara pendidikan bahasa dengan pendidikan umum, khususnya dalam konteks bidang diplomatik, budaya dan bahasa itu sendiri. Inilah yang disebut bahasa merentasi kurikulum.

Mengenainya, Awang Sariyan (2009) menjelaskan bahawa terdapat dua peranan bahasa di dalam hidup manusia iaitu pertama bahasa sebagai suatu cabang ilmu dan kedua bahasa sebagai wahana penyerapan ilmu ke dalam diri manusia. Jelas Awang Sariyan (2009) lagi, pemikir-pemikir Islam yang ulung seperti al Ghazali dan al Farabi misalnya dan juga pemikir-pemikir besar dalam tradisi Barat seperti Descartes, Wittgenstein dan Chomsky meletakkan bahasa sebagai jujuk penting dalam kehidupan insani. Manakala bahasa menurut British Council (2017) pula dinyatakan sebagai *“The bedrock of the world’s cultural heritage. Very language offers a rich and unique insight into different ways of thinking and living as well as into the history of the myriad of cultures and peoples across the globe.”*

Terdapat dalam kalangan sarjana barat yang sama pendapat dengan Awang Sariyan mengenai bahasa sebagai wahana ilmu iaitu misalnya Maryland (1977), Bullock (1976), Halliday (1985), Greenwood (1985) dan Tickoo (1986). Mengupas mengenai bahasa, para sarjana tersebut bersependapat bagi mengungkapkan bahasa sebagai *“language across the curriculum”*. Manakala menurut Wardhaugh (2002) bahawa bahasa ialah ilmu pengetahuan mengenai peraturan atau perundangan dan cara berkaitan kita bercakap dengan orang lain. Setiap bahasa harus dilaksana dengan sebutan penulisan ayat dan sebutan bunyi bahasa Melayu yang betul.

Bahasa juga menurut Amir Awang (2009) berperanan mengembangkan potensi bahasa tersebut agar individu itu dapat menjalani kehidupan sebagai manusia yang mampu melaksana amanah dan tanggungjawab sebagai tunjang kebudayaan dan tamadun seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Pertalian antara pendidikan bahasa dengan pendidikan umum pada peringkat individu dapat dijelaskan dengan meninjau hubungan diantara bahasa dengan diri, akal, dan ilmu. Diri manusia sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam al Quran, surah Al Hijr (26-29) dan surah Al Mu’minun (12-14) terdiri daripada dua bahagian iaitu jasad dan roh. Jasad dikenal sebagai diri yang zahir sementara roh dikenal sebagai diri yang batin, iaitu diri yang hakiki. Selain roh, diri yang batin dalam

Al-Quran disebut juga al Qalb, al Nafs dan al Aql (Syed Muhammad, 1991). Bahasa merupakan bahagian atau fakulti ilmu yang terletak dalam akal dengan pengertian bahawa bahasa pada dasarnya ialah fitrah yang sedia ternurani dalam akal apabila manusia lahir ke dunia (Al Ghazali, 1980). Teori kenurani bahasa ini dibincangkan oleh ahli-ahli falsafah barat pada abad ke 17 dan 18 misalnya Descartes, Kant, Cudworth.

Mengenainya, Allah telah menegaskan di dalam Al-Quran bahawa bahasa berfungsi utama buat manusia menerima ilmu dengan merujuk kepada Surah al A’raf (Ayat 172) yang bermaksud;

“Dan ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari tulang sulbi mereka dan aku (Tuhan) mengambil kesaksian daripada mereka: Bukankah aku tuhanmu? Mereka (keturunan anak-anak Adam) menjawab: Benar, bahkan kami bersaksi. Dengan demikian kamu tidak akan berkata pada hari kiamat kelak: Sesungguhnya kami tidak diberi peringatan tentang hakikat tauhid ini”.

Ayat di atas menjadi bukti pengesahan oleh Allah bahawa telah berlaku proses komunikasi diantara Allah dengan manusia, menggunakan perantaraan bahasa, bertujuan sebagai proses menerima dan berkembangnya ilmu daripada Allah kepada manusia, melalui para Rasulnya (pesuruhnya).

Berhubung dengan perkara tersebut juga, Zdenek (1997) telah menyatakan bahawa bahasa adalah alat komunikasi antara anggota masyarakat berupa bunyi yang dihasilkan oleh alat ucapan manusia. O’Neil (2003) pula menyatakan bahawa bahasa merupakan alat dan medium untuk memunculkan erti penting atau signifikan atau bermakna. Manakala menurut Duranti (2001) dalam komunikasi seharian, salah satu alat yang paling sering digunakan adalah bahasa, baik bahasa lisan mahupun bukan lisan iaitu melalui penulisan. Menurut Fairclough (1989) pula, bahasa mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang digunakan berdasarkan keperluan seseorang, iaitu sebagai alat untuk mengekspresi diri, sebagai alat untuk berkomunikasi, sebagai alat untuk mengadakan integrasi dan beradaptasi sosial dalam lingkungan atau situasi tertentu, juga sebagai alat untuk memimpin sosialisasi sesebuah masyarakat.

Bahasa yang baik menurut Hassan (2002) pula ialah berkait dengan aspek kaedah, iaitu peraturan bahasa. Berkaitan dengan peraturan bahasa, ada 4 hal yang harus diperhatikan iaitu masalah;

1. Ejaan
2. Tatabahasa
3. Tanda baca
4. Pilihan kata

Peribahasa Melayu ada menyebut “Bahasa Jiwa Bangsa” yang bermaksud bahasa ialah ciri pengenalan atau identiti bangsa. Menurut Datuk Dr. Hassan Ahmad (Berita Harian, 9 September 2007), bahawa bahasa tidak hanya bererti

sebagai sistem linguistik yang terdiri daripada lambang-lambang bunyi (fonetik atau fonem) sahaja, malah ia adalah lambang budaya dan fungsi atau peranan bahasa sebagai sistem perhubungan sosial dalam masyarakat.

Orang yang tahu berbahasa, tahu adat berbahasa, tidak akan menggunakan bahasa yang salah dari segi peraturan sosialnya apabila berkomunikasi atau berbual dengan orang tua mereka atau ketua masyarakat mereka. Bahasa juga ialah penanda identiti atau jati diri sesuatu bangsa. Perkataan bangsa tidak lagi bererti kelas sosial atau adat orang itu tetapi sebagai identiti atau kesatuan sosiopolitik atau tamadun supraetnik yang dalam bahasa Inggeris disebut “*nation*”. Jelasnya, kita mengenal bangsa Melayu berdasarkan bahasa yang mereka miliki dan gunakan. Bahasa inilah yang menjadi alat pembentuk tamadun bangsa Melayu sepanjang sejarahnya. Bahasa juga digunakan sebagai alat pemikiran untuk menghasilkan ilmu dan karya-karya besar kesusasteraan dan seni sesuatu bangsa.

Perkara penting mengenai bahasa juga ialah apabila sesuatu bahasa itu sudah tidak terpakai lagi maka lambat laun hilanglah bangsa itu. Sikap meminggirkan bahasa akan melenyapkan bangsa sendiri dalam negara bangsa yang dibina sejak berkurun lamanya. Tidak maju sesuatu bangsa itu tanpa adanya bahasa (Berita Harian, 12 April 2007)

MAKNA BUDAYA

Perkataan budaya adalah disebut juga adab. Daripada akar kata budaya dan adab, munculnya kata terbitan kebudayaan dan peradaban. Umumnya, bidang budaya juga dikaji oleh banyak bidang disiplin ilmu mencakupi bidang umpamanya sosiologi, psikologi, sejarah dan juga antropologi. Masing-masing bidang tersebut mempunyai skop bidang ilmu yang tersendiri. Jelasnya, budaya berasal daripada perkataan Sanskrit “Budhaya” yang bermaksud budi dan akal. Maksudnya yang lebih mendalam ialah budaya adalah berkaitan hal-hal mengenai budi pekerti dan akal fikiran manusia. Manakala menurut Koentjaraningrat (1979) menyatakan kebudayaan adalah keseluruhan daripada apa yang telah dihasilkan oleh manusia melalui hasil daya pemikirannya. Sehubungan dengan itu, kebudayaan adalah merupakan hasil daripada budaya itu sendiri.

Kroeber dan Kluckhohn (1944) pula menyatakan terdapat 6 jenis makna budaya. Ia adalah seperti berikut;

1. Budaya menurut **deskriptif** menekankan kepada unsur-unsur kebudayaan misalnya adat resam, bentuk seni tari dan adat istiadat sesuatu kaum.
2. Budaya menurut **historis** menekankan bahawa kebudayaan itu diwarisi secara kemasyarakatan.
3. Budaya menurut **normatif** menekankan kepada aturan hidup dan tingkahlaku
4. Budaya menurut **psikologis** menekankan kegunaannya dalam penyesuaian diri pada persekitarannya.
5. Budaya menurut **struktural** menekankan pada sifat kebudayaan, sebagai suatu system yang berpola dan teratur.

6. Budaya menurut **genetik** menekankan pada terjadinya sebagai hasil karya manusia.

Budaya Secara Umum

Sulaeman (2012) berpendapat makna budaya secara umumnya sangat subjektif kerana ia mencakupi aspek pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat dan apa sahaja perkara yang berhubung dengan kerjasama atau permuafakatan yang dibina dalam sesuatu kelompok masyarakat yang besar. Ia juga melibatkan skala penempatan geografi yang luas dan persempadanan negara bangsa yang jelas, melibatkan perkongsian nilai kuasa politik dan kesefahaman ekspektasi budaya dalam masyarakat sesebuah negara.

Budaya dalam Politik

Budaya dalam politik menurut Louis (1999) bermaksud sesebuah kerajaan meletakkan deskripsi budaya negaranya sebagai satu dasar yang berupa kepentingan negaranya, menyumbang kepada keutuhan patriotisme dan ciri-ciri kebangsaan, nilai kepercayaan, amalan strategik rakyat dan identiti sesebuah negara. Ia juga berfungsi bagi mempromosi akan budaya serta kedaulatan negara untuk makluman ke negara lain. Menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan untuk melindungi dan memajukan kebudayaan kebangsaan bagi negara masing-masing.

Budaya dalam Diplomasi Awam

Menurut Ki Won Hong (2011) budaya dalam aspek diplomasi awam bermaksud masyarakat sesebuah negara yang menggalak pertukaran budaya dengan masyarakat antarabangsa yang lain untuk membina nilai budaya hidup berintegriti dan berkredibiliti. Ia dapat dikembangkan serta dipelajari berasaskan aspek diplomasi budaya awam melalui media massa, internet, kerjasama diplomatik, pameran budaya antarabangsa dan aktiviti sukan. Sehubungan dengan itu, budaya diplomasi awam boleh dikembang dan diamalkan sebagai mekanisme perhubungan antarabangsa antara sesebuah negara melalui aktiviti budaya, pameran seni kreatif, kerjasama pendidikan kerjaya, kerjasama pertandingan seni lukis dan tarian dan pelbagai bentuk festival antarabangsa yang berkaitan.

HUBUNGAN BAHASA DAN BUDAYA

Sangat sukar sebenarnya untuk mengupas mengenai hubungan bahasa dan budaya. Ia adalah merupakan suatu aspek yang kompleks kerana ia berkaitan caragaya manusia memahami aspek proses kognitif manusia semasa berkomunikasi antara mereka, meskipun berlainan bangsa, bahasa dan budaya. Namun, menurut Duranti (2001), Bahasa adalah budaya dan budaya adalah Bahasa. Menurut, O’Neil (2005) bahawa bahasa sebagai alat untuk menjelaskan sesuatu perkara dan peristiwa yang sedang berlaku dan pandangan seseorang mengenainya yang mempunyai kaitan dengan nilai budaya sesuatu masyarakat yang didiaminya. Jelasnya, setiap manusia dan kelompok manusia fitrahnya ialah memiliki cara berfikir, kepercayaan dan mekanisme diri yang tersendiri bagi

mencapai cita-cita sendiri dan mengelakkan diri daripada gagal didalam sesuatu gerak kerja dan juga kehidupan seharian.

Tsui dan Tollefson (2007) pula menyatakan hubungan diantara bahasa dan budaya adalah berkait dengan dialektikal iaitu berkaitan polisi dan identiti budaya bangsa. Ia memerlukan kajian mendalam bagi membongkar apakah hubungan diantara keduanya. Seterusnya dapat menilai dan membongkar mengenai bagaimana polisi bahasa itu berkembang dan bagaimana ia memberi kesan terhadap identiti budaya sesebuah negara bangsa. Justeru, Tsui dan Tollefson (2007) menjelaskan lagi bahawa ilmu pengetahuan mengenai perkaitan bahasa dan budaya sesebuah negara bangsa boleh difahami berdasarkan ilmu sejarah mengenai bagaimana polisi bahasa digubal dan apa implikasinya kepada budaya masyarakat sejak zaman dahulu hingga kini. Stern (2009) pula menyatakan bahawa bahasa bukanlah wujud sebagai sebahagian daripada budaya sesebuah masyarakat yang menyentuh dari aspek kepercayaan dan amalan hidup seharian manusia. Manakala menurut Zdenek (1998) bahasa adalah kunci perkembangan panduan hidup manusia dan juga sebagai alat untuk pembangunan ekonomi dalam sosialisasi masyarakat. Manakala Awang Sariyan (2009) menyatakan bahawa budaya adalah berkaitan keperluan manusia, dibentuk secara interaktif, dan ia dibentuk berasaskan 3 aspek iaitu;

1. Keperluan asas individu
2. Keperluan asas masyarakat
3. Keperluan simbolik kepada individu dan masyarakat

Manakala Stern (2009) pula berpendapat bahawa budaya merujuk kepada ekspektasi manusia dalam sesebuah masyarakat. Menurutnya lagi, makna budaya adalah berkait dengan bagaimana seseorang memahami pengertiannya berkaitan dengan elemen budaya, keperluan budaya hidup yang pelbagai dan luas perlu dikupas secara seimbang. Hakikatnya, menurut Stern (2009) lagi, konsep pengertian budaya yang sebenar adalah bagaimana manusia berkembang dan hidup sebagai individu dan bermasyarakat, hingga akhirnya jelas perkaitan penggunaan bahasa dan kesan penggunaan perkataan yang hebat dalam membina kemajuan sesebuah institusi masyarakat. Walaubagaimanapun, secara umumnya, menurut Zdenek (1998) bahawa bahasa adalah kunci kepada terbinanya budaya manusia sejak zaman dahulu manakala budaya dari aspek masa depan adalah berkait dengan caragaya pemikiran, kepercayaan dan kefahaman masyarakat yang hidup pada zaman tersebut. Perkara ini ada hubungannya dengan peribahasa "Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa".

HUBUNGAN DIPLOMASI DAN BAHASA

Hubungan diplomasi dan budaya bermaksud sikap tolak ansur yang merupakan suatu kuasa lembut (soft power) yang mencakupi pertukaran idea, maklumat, kerja seni dan aspek lain berhubung budaya bagi sesebuah negara dan rakyatnya dalam usaha mewujudkan kesefahaman dalam kalangan rakyat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan budaya (Wikipedia, 27 April 2017). Menurut Hwajung (2011) pula bahawa deskripsi budaya dibahagi kepada 3 aspek iaitu

aspek budaya secara umum, budaya dalam politik dan budaya dalam diplomasi awam.

Bahasa memainkan peranan sangat penting dalam aspek bidang diplomasi atau geopolitik. Ia sangat penting kerana aspek perencanaan bahasa dalam sesebuah negara boleh memainkan peranan menjaga keutuhan sesuatu bangsa dan negara, mengukuh eratkan hubungan antarabangsa dan bertujuan memajukan bidang ilmu pengetahuan, ekonomi dan perindustrian. Berhubung dengan perkara tersebut juga, bahasa dapat dikembang majukan dari aspek penggunaannya bagi kalangan masyarakat pelbagai bangsa di serata dunia dengan syarat keadaan politik sesebuah negara itu stabil dan rancangan perkembangan bahasa bagi sesuatu negara bangsa itu sistematik. Keutuhan sesuatu bahasa dalam dunia sangat penting atas rasional ia bukti yang menunjukkan wujudnya sesuatu bangsa.

Berhubung perkara tersebut, Yani (2014) menyatakan, hubungan bahasa dan diplomasi boleh dikupas berdasarkan kepada persoalan berikut;

1. Apakah hubungan diplomasi dan perencanaan bahasa dalam kalangan masyarakat manusia pelbagai bangsa di dunia?
2. Apakah hubungan diplomasi dengan perencanaan bahasa di dalam sesebuah negara?

Seterusnya, Yani (2014) menyatakan bahawa bahasa adalah berfungsi sebagai;

1. Bahasa rasmi sesebuah negara
2. Bahasa pengantar di dalam dunia pendidikan
3. Alat perhubungan pada peringkat dalam negara mahupun luar negara bagi kepentingan ekonomi, diplomatik dan pendidikan
4. Alat pengembangan budaya, ilmu pengetahuan dan teknologi.

Dapatan kajian oleh Yani (2014) mendapati bahawa keadaan geopolitik sesebuah negara mempengaruhi perencanaan bahasa di dalam negara berkenaan. Misalnya, keadaan geopolitik di negara Eropah yang stabil berpengaruh besar terhadap kemajuan bahasanya sehingga boleh mempengaruhi penggunaannya oleh ahli masyarakat biasa dan para pegawai diplomat negara lain. Justeru, kesan daripada kekuatan kemajuan ilmu, politik, ekonomi, diplomatik, persenjataan mahupun pertahanan negara-negara Eropah, bahasa bangsanya juga turut berjaya mempengaruhi bangsa lain untuk menjadikan bahasa bangsa Eropah itu sebagai bahasa rasmi negaranya.

Misalnya adalah seperti berikut;

1. Chad = bahasa rasminya bahasa Perancis
2. Niger = bahasa rasminya bahasa Perancis
3. Djibouti = bahasa rasminya bahasa Perancis
4. Comoros = bahasa rasminya bahasa Perancis
5. Malawi = bahasa rasminya bahasa Inggeris
6. Jamaica = bahasa rasminya bahasa Inggeris
7. Namibia = bahasa rasminya bahasa Inggeris
8. Rwanda = bahasa rasminya bahasa Inggeris

9. Bahamas = bahasa rasminya bahasa Inggeris
10. Tanzania = bahasa rasminya bahasa Inggeris
11. Cameroon = bahasa rasminya bahasa Inggeris
12. Afrika Selatan = bahasa rasminya bahasa Inggeris
13. Singapura = bahasa rasminya bahasa Inggeris bersama bahasa Mandarin, Melayu dan Tamil
14. Peru = bahasa rasminya bahasa Sepanyol
15. Bolivia = bahasa rasminya bahasa Sepanyol
16. Panama = bahasa rasminya bahasa Sepanyol
17. Mexico = bahasa rasminya bahasa Sepanyol
18. Uruguay = bahasa rasminya bahasa Sepanyol
19. Colombia = bahasa rasminya bahasa Sepanyol
20. Guatemala = bahasa rasminya bahasa Sepanyol

(Sumber: <http://en.wikipedia.org>. pada 09 Jun 2019)

HUBUNGAN DIPLOMASI DAN BUDAYA

Kajian berkaitan hubungan diplomasi dan budaya telah diadakan sejak abad ke 18 lagi. Namun, menurut Chyntia (2006) kajian mengenai hubungan diplomasi dengan dua bidang berikut adalah lebih banyak dalam bidang ekonomi dan politik antarabangsa. Menurut Chyntia (2006) makna diplomasi budaya pada awal abad ke 19 bermaksud pertukaran idea mengenai bentuk dan sifat budaya sesuatu masyarakat kepada masyarakat yang lain bertujuan bagi menjelas dan meningkatkan kefahaman masyarakat atau kaum lain mengenai idea, bentuk, sifat, nilai dan pengajaran yang diperolehi pada sesuatu budaya.

Manakala Pauline dan Geoffrey (2013) pula menyatakan, diplomasi budaya telah diadakan sejak zaman empayar Rome lagi. Ia merujuk kepada delegasi yang diberikan informasi mengenai kebudayaan bangsa Itali yang kemudian secara tidak langsung menjadikan budaya bangsa Itali berkembang ke negara lain yang dijajahnya. Manakala menurut Qwalter (1994) diplomasi budaya menjadi aspek yang sangat penting mengatasi bidang diplomasi tradisional dan kuasa bidang pertahanan. Manakala menurut Richard (2005) pula, dunia umumnya menerima hujah bahawa diplomasi budaya adalah sangat berhubung rapat dalam aspek menjana ketamadunan sesuatu bangsa.

Diplomasi budaya juga menurut Richard (2005) menekankan aspek hubungan antara budaya yang digantikan oleh kehadiran konsep negara bangsa yang memperlihatkan diplomasi budaya dilaksanakan diantara negara berbeza yang berdaulat. Sebelum perang dunia pertama, sebahagian besar diplomasi budaya dilaksanakan secara informal. Namun, ia berubah kemudiannya apabila diplomasi budaya ditujukan kepada negara bangsa yang melahirkan apa yang disebut sebagai "Universalisme" budaya Perancis melalui filem "The Sun King" dan Amerika Syarikat melalui filem "City of the hill".

Sejak daripada itu, negara-negara membangun yang lain telah mengadaptasi hubungan diplomasi dengan budaya sebagai sebahagian dari strategi kebijakan hubungan luar negara mereka. VOKS (The All Union Society for Cultural

Relations with Foreign Countries) menjadi alat kepada kerajaan Soviet Union bagi berkolaborasi dengan negara kelompok barat yang pro mereka. Di Eropah Barat misalnya, gerakan-gerakan seperti itu telah dimulakan oleh negara Perancis melalui pembentukan Alliance France dalam tahun 1883. Ia menekankan pentingnya bahasa untuk menghubungkan Perancis dengan negara luar. Negara Itali pula mendirikan Dante Alighieri Society dalam tahun 1889 bagi mempromosi kebudayaan bangsa Itali mereka. Seterusnya, pemerintah Jerman mendirikan Goethe Institute dan pemerintah Inggeris pula menggunakan British Council sebagai jambatan untuk mengembang budaya dan pengaruh psikopolitik mereka. Strategi kefahaman sedemikian juga ditiru oleh negara-negara membangun yang lain di Asia. Mengenaiknya, timbul satu persoalan iaitu bagaimana pula dengan Malaysia dan negara Asean yang lain?

Negara China misalnya menggunakan kaedah bidang diplomasi budaya bagi mengurangkan ketegangan hubungan diplomatiknya dengan negara Jepun. Malah, Jepun juga menggunakan diplomasi budaya sebagai sebahagian dari kebijakan bidang diplomatik negara. Ia boleh dilihat melalui penubuhan Japan Foundation dan International House of Japan. Melaluinya, negara Jepun telah berusaha bagi memelihara dan meningkatkan hubungan diplomatik yang baik dengan semua negara anggota Asean. Bermula dengan diplomasi budaya, Jepun dapat memasarkan hasil produktiviti bangsa mereka yang berjaya menjana pembangunan ekonomi, budaya, bahasa, pendidikan dan perindustrian negara Jepun.

Menurut Anthony (1974) pula, US Department of State (1959) telah menjadikan hubungan diplomasi dan budaya sebagai satu perkara khusus (maudhuk) yang bermaksud "ia merupakan satu kontrak langsung dan berlanjutan antara pelbagai masyarakat dari negara yang pelbagai". Jelasnya, ia bertujuan untuk membentuk kepercayaan dan kefahaman masyarakat antarabangsa yang lebih baik bagi mencapai objektif yang saksama antara pemerintah sesebuah negara". Seterusnya, ia juga disebut sebagai satu "*Dimensional meaning linked to political manipulation and subordination, and it has also been relegated to the backseat of diplomatic interaction*". Manakala Friederich (1976) pula menjelaskan bahawa diplomasi budaya adalah hasil tugas para ahli politik antarabangsa dalam melakukan propaganda. Ia menjadi dasar strategi hubungan komunikasi diplomasi bagi sesebuah negara dan digunakan bagi menjelaskan sesuatu isu melalui aspek nilai budaya misalnya dari aspek cara atau gaya bercakap, penyiaran laporan media, perhubungan melalui surat menyurat atau telefon dan unsur kesantunan dalam membuat sesuatu keputusan bagi menghasilkan kesaksamaan dan kepuasan hati kedua-dua pihak atau kesemua pihak yang sedang berbincang. Mengenaiknya, Joseph (2011) menjelaskan bahawa hubungan bidang diplomasi dan budaya banyak dikembangkan sejak beratus tahun dahulu melalui kegiatan bantuan biasiswa pendidikan, pertukaran pelajar dan pegawai, persidangan, seminar dan saluran informasi media massa. Malah, menurut Jessica dan Mark (2010), hubungan diplomasi dan budaya telah menjadi satu polisi penting sesebuah kerajaan dengan tujuan menyokong langkah sesuatu kerajaan mengeksport budaya bangsa mereka agar dicontohi oleh bangsa lain disamping dapat mencapai objektif dasar luar negara masing-masing.

KAJIAN LANJUTAN MENGENAI DIPLOMASI BAHASA DAN BUDAYA

Menyedari pentingnya aspek bahasa dan budaya dalam bidang diplomasi hubungan antarabangsa serta kekurangan bahan rujukan ilmiah dalam bidang berkaitan, adalah wajar bagi kalangan ahli akademik, para pengkaji dan pengamal dalam bidang berkaitan untuk mengadakan kajian lebih mendalam berhubung perkara tersebut bagi menjawab persoalan kajian berikut;

1. Apakah bentuk diplomasi bahasa dan budaya yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi memacu kemenjadian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa rasmi negara?
2. Apakah bentuk kegiatan pembangunan bahasa Melayu yang telah digerakkan oleh pihak kerajaan Malaysia bagi mengembangkan nilai bahasa dan budaya rakyat Malaysia bagi kalangan negara Asean, Asia, Eropah, Afrika, Timur Tengah, Amerika Utara dan Amerika Selatan?
3. Sejauhmana sumbangan kerajaan Malaysia dalam memartabatkan bahasa Melayu dari sudut pendidikan, sebagai bahasa antarabangsa dengan tujuan menjana pembangunan dalam bidang pendidikan, diplomatik, keselamatan, ekonomi dan kebudayaan sepertimana yang telah berlaku dalam abad ke 16 hingga 18 yang lalu?
4. Sejauhmana sumbangan kerajaan Malaysia dalam memartabatkan budaya Malaysia sebagai alat perpaduan diantara pelbagai bangsa dan negara luar di peringkat Asean, Asia dan juga dunia khususnya dalam bidang pendidikan?

KESIMPULAN

Diplomasi, bahasa dan budaya saling berkaitan. Ia berkembang dan berdaya maju melalui proses komunikasi yang berkesan melibatkan kalangan pemimpin, diplomat, pendidik, peniaga, agamawan, seniman dan budayawan. Berkembangnya sesuatu Bahasa telah diiringi dengan berkembangnya budaya sesuatu bangsa yang kuat misalnya bangsa Inggeris, Sepanyol dan Perancis. Ketiga-tiga bangsa contoh tersebut terbukti melalui ilmu sejarah bahawa mereka datang ke negara lain bukan sahaja untuk berdagang dan menjajah, malah mereka berjaya mengembangkan penggunaan bahasa, budaya dan agama mereka. Di Malaysia, ia berlaku sejak tahun 1511 hinggalah tahun 1957, merujuk kepada kedatangan negara bangsa penjajah seperti Portugal, British dan Jepun terhadap bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia dan pribumi Sabah dan Sarawak. Manakala diplomasi bahasa terbukti menghasilkan kemerdekaan bagi negara Malaysia manakala diplomasi budaya menjadikan tarian zapin, silat gayung, wayang kulit dan baju batik dipelajari dan diguna amalkan oleh banyak bangsa di serata dunia pada hari ini. Melalui kaedah diplomasi, masyarakat sesebuah negara bangsa yang berbeza dapat bekerjasama, saling memerlukan dan menghargai, belajar mempelajari bahasa dan budaya bangsa lain dan seterusnya dapat membina kehidupan yang harmoni di dunia ini. Manakala pada masa depan, warga kepimpinan pendidikan di Putrajaya pastinya akan menggunakan seni

diplomasi bahasa dan budaya ini khususnya dalam menterjemah kemenjadian pelajaran murid Malaysia dalam TIMSS (Trends in International Mathematic and Science Study) dan PISA (Programme for International Mathematics and Science Study), pertandingan Robotik di peringkat antarabangsa, Eksplorasi Alam Kerjaya anjuran Kelab Bimbingan Kerjaya di sekolah dan seumpamanya lagi.

RUJUKAN

- Al Quran – Tafsir (2010). Pustaka Maghfirah. Perak. Malaysia.
- Al Ghazali (1980). Ihya Ulumuddin. Terjemahan Ismail Yakub. Penerbit Asli: Indonesia.
- Anang Santoso (2006). Bahasa, Masyarakat Dan Kuasa: Topik-Topik Kritis Dalam Kajian Ilmu Bahasa. Jurusan Sastra, Indonesia: Universiti Negeri Malang.
- Anthony Haigh (1974). Cultural Diplomacy in Europe. Strasbourg: Council of Europe, Pp. 21,
- Awang Sariyan (2007). Perkembangan Falsafah Bahasa Dan Pemikiran Dalam Linguistik. Sasbadi. Petaling Jaya.
- Awang Sariyan (2007). Santun Berbahasa. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Awang Sariyan (2009). Jurnal Hadhari. Halaman 1-29. UKM. Diperolehi Mei, 31 2017. Daripada [http : Www.UKM.My/Hadhari/Makalah/V1n1](http://www.ukm.my/hadhari/makalah/v1n1).
- British Council (2017). Language for The Future. London. Diperolehi Mei, 30 2017 daripada [Http://Www.British Council.Org. Language-For-The-Future](http://www.britishcouncil.org/language-for-the-future).
- Chyntia P. Scheneider (2006). Cultural Diplomacy: Hard to Define, But You'd Know It If You Saw It. The Brown Journal of World Affairs, Fall/Winter, 12(1), 191.
- Clifford Geertz, (2011) The Interpretation of Cultures. Basic Books: New York
- Duranti, Alessandro (2001). Key Terms in Language and Culture. Malden: Balcwell Publisher Inc.
- Fairclough, Norman. (1989). Language and Power. Edinburg: Bovan Publishing.
- Friederich Charles Barghoorn (1976). The Soviet Cultural Diplomacy: The Role of Cultural Diplomacy in Soviet Foreign Policy. Westoort, CT: Greenwood Press, Pp. 10-11, 1976.
- Harwanto Dahlan (2008). Beberapa Istilah Diplomasi. Diperolehi Mei, 31, 2017 daripada [Http://Www.Google.Com/Harwanto/Beberapa](http://www.google.com/harwanto/beberapa).

- Hassan Ahmad (Berita Harian: 03: 19 September 2007). Diperolehi Mei, 19, 2017 daripada <http://www.beritaharian.com>
- Hassan Ahmad (2002). *Dasar Bahasa Dan Pembangunan Negara Di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Hwajung Kim (2011). *Cultural Diplomacy as The Means of Soft Power in an Information Age*. Diperolehi April 27, 2017 daripada <http://www.Culturaldiplomacy.Org>.
- Jessica Gienow- Hect C.E and Mark C. Donfried (2010). *The Model of Cultural Diplomacy: Power Distance and The Promise of Civil Society. Searching for A Cultural Diplomacy*, New York: Berghann Books, Pp. 18.
- Joseph S. Nye (2011). *The Future of Power*. New York: Public Affairs.
- Ki Won Hong (2011). *Cultural Diplomacy Form a Cultural Policy Perspective—Some Contestable Issues*, Korea Association of Arts Management. Diperolehi April 27, 2017 Daripada <Http://www.Culturaldiplomacy.Org>.
- Koentjaraningrat (1979). *Manusia Dan Kebudayaan Di Indonesia*. cet. Ke-4, Jakarta Djambatan.
- Kroeber, A.L & Kluckhohn, C. (1944). *Configuration of Culture Growth*. Berkeley: University of California Press.
- Louis Belanger (1999). *Redefining Cultural Diplomacy: Cultural Security and Foreign Policy in Canada*. *Political Psychology*. 20(4),677-699.
- Manuela Agullar (1996). *Cultural Diplomacy and Foreign Policy: German—American Relationship 1055 – 1968*. Peter Lang. New York.
- Mohd Jamil Mukmin (2011). *Sejarah Hubungan Diplomas Kerajaan Melayu, Satu Tinjauan*. *Jurnal IKSEP*. 2, 71-90.
- Mokhtar Muhammad (2005). *Perhubungan Antarabangsa: Konsep Dan Konteks*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd.
- O'Neil, D (2005). *Language and Culture: An Introduction to Human Communication*. Diperolehi daripada [http:// Anthro.Polamar. Edu/Language/_6. Htm](http://Anthro.Polamar.Edu/Language/_6.Htm).
- Oxford Learners Dictionary (2003). London. Oxford University Press.
- Pauline Keer and Geoffrey Wiseman (2013). *Diplomacy in A Globalizing World*. New York: Oxford University Press.
- Qwalter Lacquer (1994). *Save Public Diplomacy*. *Foreign Affairs*, 73(5), 20.
- Richard Arndt (2005). *The First Resort of Kings: American Cultural Diplomacy in The Twentieth Century*. Washington DC: Ptomac Books.

- Stern, H. (2009). *Fundamental Concepts of Language Teaching*. Oxford University Press.
- Sulaeman, M. (2012). *Ilmu Budaya Dasar: Pengantar Ke Arah Ilmu Sosial Budaya Dasar*. Bandung. Refika aditama.
- Syed Muhamad Naquib Al Attas (1991). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Thanasoulas, D (2001). *Radical Pedagogy: The Importance of Teaching Culture in The Foreign Language Classroom*. Retrieved October 3, 2005 from [http://Radical Pedagogy. Icaap.Org/Content/ Issue](http://RadicalPedagogy.Icaap.Org/Content/ Issue).
- Tsui, A.B.M & Tollefson, J.W (Eds.) (2007). *Language, Policy, Cultura And Identity In Asian Contexts*. Mahwah, NJ. : Lawrence Erlbaum Associattes.
- Wardhaugh, R. (2002). *An Introduction to Sociolinguistics (Fourth Ed)*. Oxford: Blacwell Publishers
- Yani Suryani. (2014). *Hubungan Fakta Geopolitik Dengan Perancangan Bahasa*. *Jurnal Sositeknologi*. 13(1), 247-262.
- Zdenek Salzman (1998). *Language Culture and Society*. Boulder. Westview Press.